

Pemuda PPP Sokong Cadangan Menjadikan BN Parti Tunggal
Bernama
30 Mei, 2013
Oleh Kisho Kumari

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Menjadikan Barisan Nasional (BN) sebagai parti tunggal untuk semua bangsa akan menjadi cara terbaik bagi BN memenangi semula hati golongan muda dan menjadikan mereka contoh sebenar rakyat Malaysia.

Ketua Pemuda Parti Progresif Penduduk (PPP) Harridz Mohan berkata rata-rata golongan muda kini hanya mahu dikenali sebagai rakyat Malaysia dan tidak lagi melalui bangsa atau etnik.

Beliau berkata berdasarkan itu cadangan menjadikan BN sebagai parti tunggal merupakan cara yang akhirnya boleh mengembalikan keyakinan dan sokongan generasi muda terhadap BN pada masa ini dan untuk jangka masa panjang.

Harridz berkata BN harus menyiapkan diri untuk menghadapi cabaran itu dan menjadi penaung kepada konsep berbilang bangsa dalam satu parti, yang menyatukan rakyat di bawah bendera BN.

"Generasi muda kini lebih terbuka dan bersedia untuk menerima antara satu sama lain yang hanya dikenali sebagai rakyat Malaysia. Apa yang perlu sekarang ialah untuk BN membuka jalan, yang dilihat wajar, dengan menawarkan parti sebagai platform yang terbaik.

"Oleh itu, bergabung menjadi parti tunggal merupakan penyelesaian terbaik untuk kami (BN) menangani keperluan generasi muda dan pada masa sama memastikan kelangsungan parti dalam jangka masa panjang," katanya dalam temu bual dengan Bernama baru-baru ini.

Mengulas mengenai mekanisme untuk mendapatkan semula undi daripada pembangkang, Harridz berkata struktur BN perlu dibentuk semula dengan keutamaan dalam mengekalkan kemimpinan yang bersatu padu.

"Kita harus berdiri sebagai satu parti diketuai seorang presiden sebagaimana struktur BN sekarang ini dan bukannya mempunyai parti-parti komponen untuk setiap etnik kerana rakyat mahu melihat kesamarataan berdasarkan Perlembagaan Persekutuan di kalangan Melayu, India dan Cina," katanya.

Beliau percaya bahawa melalui penggabungan semua parti komponen dalam hanya satu BN, tiada lagi isu kaum yang boleh dimainkan oleh parti lawan.

Ditanya mengenai keperluan parti-parti politik untuk mewakili setiap komuniti, Harridz berkata: "Ia tidak lagi perlu jika idea BN sebagai parti tunggal menjadi kenyataan dan semua akan diwakili sebagai rakyat Malaysia".

"Secara jujur saya rasa generasi muda kini terlebih dahulu akan berfikir sebagai rakyat Malaysia (sebelum bangsa) dalam apa sahaja isu yang mereka hadapi," katanya.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin baru-baru ini berkata cadangan untuk menjadikan BN sebagai parti tunggal adalah rasional dan perlu dikaji secara mendalam untuk kesinambungan sokongan rakyat pada masa depan.

Ditanya mengenai keperluan mengekalkan sekolah-sekolah vernakular, Harridz berkata Malaysia sepatutnya hanya mempunyai sama ada sekolah 'wawasan' atau 'kebangsaan' dengan semua bahasa terutama Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil diajar kepada semua murid.

"Banyak orang terutama generasi lama masih mempunyai nilai sentimental apabila bercakap mengenai sekolah vernakular.

"Hairan mengapa rakyat menyiapkan diri mereka untuk menjadi rakyat Malaysia dan pada masa sama masih mahu mempunyai sekolah vernakular, sistem persekolahan yang berbeza?" soal beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=953092>